

10/05/1997

Rakan Muda Seagate jadi model

Azmi Md Deros

IPOH, Jumaat - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menggunakan program Rakan Muda yang dilaksanakan oleh Penang Seagate Industries (M) Sdn Bhd sebagai model dalam memperluaskan kegiatan itu ke kilang di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Loke Yuen Yow, berkata ini kerana syarikat itu adalah sektor industri pertama di negara ini yang menubuhkan program Rakan Muda untuk pekerjaanya.

Syarikat itu memperuntukkan RM500,000 tahun ini bagi melaksanakan lima gaya hidup, iaitu Rakan Rekacipta, Rakan Masyarakat, Rakan Rekreasi, Rakan Wajadiri dan Rakan Sukan.

Menurut Loke, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan kementerian itu menyediakan laporan mengenai Rakan Muda Seagate bagi membolehkannya dinilai dan dijadikan contoh dalam memperluaskan program berkenaan ke lebih banyak kilang.

"Saya berharap Seagate dapat menyiapkan dan mengemukakan laporan kegiatan itu kepada kementerian supaya dapat dibentangkan kepada Perdana Menteri secepat mungkin," katanya selepas melancarkan Rakan Muda Seagate di kilang itu di Zon Perindustrian Bebas Kinta, di sini, hari ini.

Hadir sama Naib Presiden dan Pengarah Urusan Penang Seagate, Timothy Harris.

Loke berkata, langkah Seagate itu wajar dicontohi sektor swasta, terutama syarikat multinasional yang mempunyai ramai pekerja.

"Program berkenaan menguntungkan majikan kerana selain merapatkan hubungan kedua-dua pihak seperti satu keluarga, ia juga akan meningkatkan produktiviti pekerja.

"Ia juga dapat membantu meringankan bebanan kerajaan dalam menangani gejala sosial di kalangan belia masa kini," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga memerlukan syarikat swasta membantu mengendalikan Rakan Muda kerana peruntukan KBS adalah terhad.

Katanya, kementerian juga sudah melaksanakan fasa ketiga program Rakan Muda dengan menghantar pegawainya ke kilang dan pusat beli-belah untuk mempromosi kegiatan berkenaan.

Sebelum ini, program Rakan Muda dilaksanakan di kalangan pelajar sekolah dan persatuan sukan.

Beliau berkata, sejak dilancarkan Oktober 1994, 1.5 juta belia sudah menyertai Rakan Muda membabitkan 14,000 aktiviti.

Sementara itu, Harris berkata, Rakan Muda Seagate di kilangnya di Pulau Pinang dilancarkan Disember lalu dan selepas ini akan dilancarkan di sebuah lagi kilangnya di Senai, Johor.

Katanya, sehingga kini 1,000 pekerjaanya menyertai program berkenaan dan menjelang akhir tahun ini jumlahnya dijangka mencapai 5,000 orang.

Seagate yang mempunyai tujuh kilang, iaitu empat di Pulau Pinang, Ipoh (dua) dan satu di Senai menggunakan khidmat lebih 24,000 pekerja.

"Program berkenaan memberi banyak faedah, termasuk memupuk disiplin pekerja, selain menjadikan mereka sentiasa sihat dan cergas, sekali gus meningkatkan produktiviti.

"Selain itu, melalui Rakan Rekacipta, Seagate dapat menjimatkan RM15,000 sebulan apabila kumpulan berkenaan memperkenalkan sistem kerja yang lebih sistematik," katanya.

(END)